

Kursus Penyegaran Pengendalian & Keselamatan Forklift / Reach Truck

HRD Corp registered training program ID: 1000148799

Behavioural-Based Safety



Sesi Pengajaran Teori
Bersemuka



Sesi Latihan
Keselamatan Forklift
Secara Praktikal



26 JUN 2026
(JUMAAT)



9:00 PAGI-
5:00 PETANG



Butterworth
Penang



Register Now!



www.progresslink.com.my



*"Tingkah Laku Selamat,
Tempat Kerja Lebih
Selamat!"*

Pengenalan Kursus

Forklift merupakan jentera asas yang memainkan peranan penting dalam sektor perindustrian dan pengangkutan, digunakan secara meluas untuk memindahkan bahan mentah, produk siap, dan objek berat dengan cekap dari satu lokasi ke lokasi lain. Kecekapan dan keselamatan dalam pengendalian forklift bukan sahaja meningkatkan produktiviti tetapi juga memastikan kelancaran operasi logistik serta keselamatan pekerja di tempat kerja. Namun, bagi mencapai tahap pengendalian yang optimum, adalah penting bagi setiap operator forklift menerima latihan yang berterusan serta memahami prosedur keselamatan dengan mendalam.

Statistik menunjukkan bahawa kemalangan melibatkan forklift sering kali berpunca daripada faktor manusia, termasuk kecuaiian, kegagalan mematuhi prosedur keselamatan, serta kurangnya kesedaran tentang bahaya di tempat kerja. Akibatnya, insiden seperti kecederaan serius, kehilangan nyawa, serta kerosakan kepada aset syarikat semakin meningkat. Oleh itu, pendekatan Keselamatan Berasaskan Tingkah Laku (Behavioural-Based Safety - BBS) diperkenalkan dalam kursus ini bagi membantu operator forklift membentuk sikap kerja yang lebih selamat dan bertanggungjawab, di samping mengukuhkan pemahaman terhadap teknik pengendalian yang betul.

Kursus Penyegaran ini direka khusus untuk operator forklift berpengalaman serta pemegang Sijil Kursus Forklift dan "Competent Forklift Driver Badge." Kursus ini bertujuan untuk memastikan amalan keselamatan dipraktikkan secara konsisten, mengukuhkan kemahiran pengendalian yang selamat, serta memastikan pematuhan berterusan terhadap Akta Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514). Berdasarkan garis panduan industri, semua operator forklift digalakkan untuk mengikuti latihan penyegaran ini secara berkala bagi memastikan tahap keselamatan dan kecekapan operasi sentiasa terjaga.

Kursus ini akan menggabungkan sesi teori dan praktikal, termasuk penilaian Pre & Post Test, perbincangan berkaitan isu semasa, serta latihan simulasi bagi memastikan setiap peserta mampu mengaplikasikan ilmu yang dipelajari ke dalam situasi kerja sebenar. Dengan pendekatan yang sistematik dan menekankan perubahan tingkah laku melalui BBS, kursus ini bertujuan untuk mewujudkan budaya keselamatan yang berterusan serta mengurangkan risiko kemalangan di tempat kerja.

Scan
for more
information



Objektif Pembelajaran

Pada akhir kursus ini, peserta akan dapat:-

- ✓ Memahami peraturan keselamatan dan kesihatan pekerjaan berdasarkan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSHA) 1994, termasuk peranan dan tanggungjawab dalam memastikan persekitaran kerja yang selamat.
- ✓ Mengenal pasti komponen utama forklift serta melakukan pemeriksaan harian dan penyelenggaraan asas untuk memastikan operasi yang selamat dan efisien.
- ✓ Melaksanakan prosedur penyelenggaraan berkala, merekodkan sebarang kerosakan, dan menyediakan laporan bagi setiap forklift yang dikendalikan.
- ✓ Mengenal pasti punca kemalangan semasa mengendalikan forklift serta mengambil langkah pencegahan yang berkesan berdasarkan prinsip Keselamatan Berasaskan Tingkah Laku (Behavioural-Based Safety - BBS).
- ✓ Meningkatkan pengetahuan tentang teknik operasi forklift yang betul, termasuk kawalan beban, keseimbangan, dan kecekapan pengendalian, dengan memberi tumpuan kepada tingkah laku selamat dalam operasi seharian.
- ✓ Mengendalikan forklift mengikut peraturan keselamatan dan Standard Operating Procedure (SOP) yang ditetapkan bagi meminimumkan risiko kemalangan.
- ✓ Menggunakan forklift dengan betul dan selamat, sekali gus mengurangkan risiko kecederaan, kerosakan harta benda, dan gangguan operasi kerja.
- ✓ Mengamalkan langkah-langkah keselamatan yang proaktif, termasuk mengenali tabiat kerja berisiko dan membetulkan tingkah laku yang boleh membawa kepada kemalangan melalui kaedah BBS.
- ✓ Memupuk sikap tanggungjawab sebagai operator forklift, termasuk kesedaran terhadap keselamatan diri dan rakan sekerja serta kepatuhan terhadap prosedur keselamatan.
- ✓ Menerapkan amalan keselamatan berasaskan tingkah laku (BBS) dalam operasi harian, bagi mengurangkan kadar kemalangan di tempat kerja dan mewujudkan budaya kerja yang lebih selamat serta produktif.



Faedah Kursus

Kursus ini bertujuan meningkatkan kesedaran keselamatan dalam kalangan operator forklift, menjadikannya sebagai amalan harian untuk mengurangkan risiko kemalangan. Dengan memupuk sikap tanggungjawab dalam kalangan pemandu, kursus ini dapat membantu meningkatkan kecekapan operasi, mengurangkan kadar insiden di tempat kerja, serta mengoptimumkan produktiviti dan kos syarikat.

Khusus ini khas untuk?

Kursus ini khas untuk operator forklift yang berpengalaman yang ingin menyegarkan kembali kemahiran pengendalian, memastikan pematuhan kepada prosedur keselamatan terkini, serta mengukuhkan amalan kerja selamat di tempat kerja. Ia juga ditujukan kepada pemegang Sijil Kursus Forklift dan "Competent Forklift Driver Badge" yang tempoh sah lakunya telah tamat selepas dua tahun.

Pra- syarat

Peserta diwajibkan sebelum ini telah menjalani kursus komprehensif untuk menyertai sesi penyegaran ini, sebaliknya kami mengesyorkan peserta untuk menyertai Kursus Komprehensif Pengendalian & Keselamatan Forklift.

Kaedah Penyampaian

Kursus ini menggabungkan teori dan latihan praktikal yang mudah difahami bagi meningkatkan pemahaman peserta, dengan ujian Pre & Post Test untuk menilai tahap pengetahuan mereka. Selain itu, kenderaan forklift disediakan untuk sesi latihan praktikal dan penilaian lisan bagi memastikan aplikasi kemahiran yang berkesan di tempat kerja.

Penilaian & Pensijilan

Peserta yang lulus akan menerima Sijil Kehadiran Kursus, dan Lencana Kompetensi akan diperbaharui untuk tempoh dua tahun lagi. Ini memastikan operator terus mengamalkan langkah keselamatan yang betul serta mematuhi prosedur terkini dalam pengendalian forklift.

Durasi Kursus

1 hari (09:00 pagi – 05:00 petang)

Nombor (Program ID) yang berdaftar dengan HRD Corp

1000148799

Yuran Kursus untuk Program Awam (Public)

Pendaftaran Perseorangan - RM 1,000.00 seorang

Pendaftaran Berkumpulan - RM 850.00 seorang

(Untuk 2 peserta atau lebih dari organisasi yang sama)

Pakej pendaftaran termasuk kos seminar, makan tengahari, minum pagi, minum petang, kelengkapan bahan kursus, sijil penyertaan, lencana "Certified Forklift Operator Competent Driver's Badge", laporan latihan komprehensif, serta penilaian kompetensi melalui ujian teori (pra dan pasca latihan) dan ujian praktikal.



In-House Training Enquiry

For more information regarding our In-House/ Public Program courses, please email us your inquiry at sales@progresslink.com.my

or to speak to our Sales Consultant at +604- 297 6881 or 011-1289 6881

For public program schedules, please visit our website: www.progresslink.com.my/events/

Register
TODAY
TRAINING FEES ARE ELIGIBLE FOR
HRD CORP CLAIMABLE COURSE SCHEME.



PROGRESS LINK TRAINING & CONSULTANCY SDN BHD (880988-H)

Address: C-3-1, Vantage Desiran Tanjung, Jalan Tanjung Tokong,
10470 Tanjung Tokong, Penang, Malaysia.

Tel : +6 04- 297 6881 Fax : +6 04- 297 6882

Email: sales@progresslink.com.my

Website: www.progresslink.com.my

MODUL KURSUS - SESI PAGI - TEORI

SESI PRA-UJIAN (PRE-TEST)

- Penilaian awal pemahaman peserta mengenai keselamatan dan pengendalian forklift.
- Mengenal pasti tahap kesedaran serta amalan semasa dalam operasi forklift untuk menilai keperluan penyegaran pengetahuan.

AKTA KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJA (OSHA) 1994

- Pengenalan Occupational Safety and Health Act (OSHA 514).
- Tujuan / kepentingan Akta Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (AKKP) dalam pengendalian forklift.
- Kewajipan & tanggungjawab pekerja & majikan dalam memastikan persekitaran kerja yang selamat.

PENGENALAN KESELAMATAN FORKLIFT/ REACH TRUCK

- Kepentingan keselamatan dalam operasi forklift dan risiko utama yang perlu dielakkan.
- Asas pengawalan forklift untuk pengendalian yang cekap dan selamat.
- Asas penjagaan forklift bagi memastikan kecekapan dan jangka hayat kenderaan.

KESELAMATAN DAN TEKNIK PENGENDALIAN YANG SELAMAT

- Analisis punca-punca kemalangan dan cara pencegahannya.
- BBS (Behavior-Based Safety) memahami tingkah laku berisiko & bagaimana membentuk tabiat kerja yang selamat.
- Kesedaran tanggungjawab operator dalam mencegah kemalangan dan menjaga keselamatan diri serta rakan sekerja.
- Teknik pemanduan selamat, termasuk aspek penstabilan beban dan pengendalian dalam persekitaran kerja yang sibuk.
- Kaedah kawalan kerosakan serta langkah-langkah keselamatan terhadap harta benda syarikat.
- Kepentingan motivasi dan pemupukan budaya bekerjasama dalam meningkatkan keselamatan.

(Sesi video bagi mengukuhkan pemahaman mengenai keselamatan forklift)

PROSEDUR KERJA YANG SELAMAT DALAM PENGENDALIAN FORKLIFT

- Definisi dan kepentingan Standard Operating Procedure SOP dalam operasi forklift untuk menjamin keselamatan dan kecekapan.
- Pemeriksaan sebelum, semasa, dan selepas penggunaan forklift bagi memastikan kenderaan dalam keadaan selamat.
- Amalan pemeriksaan forklift Pre-Start sebagai langkah pencegahan awal terhadap kegagalan operasi.
- Laluan dan zon operasi selamat di tempat kerja dan prosedur parkir dan penyimpanan forklift dengan selamat.
- Prosedur serah tugas dalam pertukaran syif untuk memastikan kesinambungan keselamatan.
- Tindakan kecemasan sekiranya berlaku kegagalan fungsi atau kemalangan.

TANGGUNGJAWAB OPERATOR FORKLIFT

- Peranan operator dalam memastikan keselamatan sepanjang operasi, termasuk pematuhan kepada prosedur standard dan garis panduan keselamatan.
- Mengenal pasti tingkah laku berisiko dalam operasi forklift dan mengamalkan tabiat kerja yang lebih selamat melalui pembetulan tingkah laku berdasarkan Keselamatan Berasaskan Tingkah Laku (BBS).
- Mengamalkan sikap bertanggungjawab serta memahami kesan kecuaiian yang boleh membawa kepada kemalangan dan kecederaan.
- Langkah-langkah proaktif dalam mengenal pasti dan mengurangkan potensi bahaya di kawasan operasi forklift.

SESI PASCA-UJIAN (POST-TEST)

- Ujian untuk menilai peningkatan pemahaman peserta selepas latihan teori.
- Perbandingan keputusan pra-ujian dan pasca-ujian bagi menilai keberkesanan kursus penyegaran.
- Sesi soal jawab dan maklum balas untuk mengukuhkan pemahaman peserta sebelum latihan praktikal.

MODUL KURSUS - SESI PETANG - PRAKTIKAL

PENGENDALIAN FORKLIFT BERDASARKAN PERSEKITARAN KERJA

- Menilai risiko kawasan kerja seperti permukaan berselerak, berminyak, atau licin akibat hujan.
- Mengendalikan forklift dalam keadaan gelap atau persekitaran dengan pencahayaan rendah.
- Beradaptasi dengan permukaan jalan tidak rata, berlubang, atau bertingkat untuk memastikan kestabilan operasi.

TEKNIK PENGENDALIAN DAN OPERASI SELAMAT

- Mengangkat, membawa, dan menurunkan muatan secara selamat berdasarkan berat dan kapasiti forklift.
- Menyesuaikan teknik pemanduan mengikut jarak perjalanan, sudut pusingan, dan kestabilan beban.
- Mengendalikan muatan dalam kontena dengan teknik yang betul bagi mengelakkan ketidakseimbangan.
- Memarkir forklift dengan selamat di lokasi yang ditetapkan untuk mengelakkan risiko pergerakan tidak terkawal.

PENGENALAN TERHADAP SISTEM & KOMPONEN FORKLIFT

- Memahami meter kawalan, hon, had muatan, simbol amaran, serta penggunaan lampu depan dan belakang.
- Mengenali jenis-jenis bahan bakar dan minyak pelincir yang digunakan untuk penyelenggaraan yang optimum.
- Pencegahan dan kawalan kerosakan melalui pemeriksaan berkala dan langkah keselamatan asas.
- Latihan praktikal dalam servis forklift, termasuk prosedur pemeriksaan harian dan penjadualan servis.

MENGESAN DAN MENANGANI KEROSAKAN

- Memahami tanda-tanda awal kerosakan serta kesannya terhadap keselamatan dan operasi.
- Teknik mengenal pasti dan mengesan kerosakan yang boleh menyebabkan kegagalan operasi.
- Mengenali jenis-jenis kerosakan yang biasa berlaku dan langkah-langkah pencegahan.
- Latihan praktikal menggunakan Pre-Inspection Checklist untuk memastikan forklift dalam keadaan selamat sebelum digunakan.

KESELAMATAN BERASASKAN TINGKAH LAKU (BBS) DALAM OPERASI FORKLIFT

- Mengamalkan sikap bertanggungjawab dan berdisiplin dalam setiap aspek operasi.
- Mengenal pasti tingkah laku berisiko serta cara membetulkannya bagi mengurangkan kemalangan.
- Kepentingan komunikasi dan kesedaran keselamatan dalam persekitaran kerja.
- Simulasi situasi bahaya dan latihan respon segera untuk meningkatkan kesedaran keselamatan.

LANGKAH-LANGKAH KESELAMATAN SEMASA BERLAKU KEMALANGAN

- Teknik keluar dengan selamat sekiranya forklift terbalik untuk mengurangkan risiko kecederaan.
- Langkah-langkah pencegahan untuk mengelakkan perlanggaran dengan dinding, tiang, dan aset syarikat.
- Kepentingan pertolongan cemas dan tindakan kecemasan semasa insiden berlaku.
- Latihan praktikal dan simulasi kecemasan bagi membiasakan peserta dengan prosedur keselamatan yang betul.

REGISTRATION FORM

KURSUS PENYEGARAN PENGENDALIAN & KESELAMATAN FORKLIFT / REACH TRUCK

26 JUNE 2026 (FRI)

The Manager
PROGRESS LINK TRAINING & CONSULTANCY SDN BHD
C-3-1, Vantage Desiran Tanjung, Tanjung Tokong, 10470 Tanjung Tokong, Penang, Malaysia.
Tel: 04-297 6881; Fax: 04-297 6882
Email: sales@progresslink.com.my

Dear Sir/Madam,

Please register the following participant(s) for this program as follows:-

Course Title: KURSUS PENYEGARAN PENGENDALIAN & KESELAMATAN FORKLIFT/ REACH TRUCK

Date: 26TH JUNE 2026

Registration (Please tick (✓) accordingly)

Single registration (1 x participant) = RM1,000.00

Group registration discount (Minimum 2 participants or more from the same organisation)

No. of participants _____ x RM850.00 per pax = Total RM _____

Payment Method (Please tick (✓) accordingly)

Claim under HRD Corp Claimable Courses scheme (Program ID Nos: 1000148799 - Type of training - Public)

Enclosed cheque nos. _____ being payment made in favour of "PROGRESS LINK TRAINING & CONSULTANCY SDN BHD"

Online transfer / Direct bank-in to PUBLIC BANK BERHAD account number 3194 100 708 (please email us the bank-in slip)

Requested by:

Name: _____

Designation: _____

Email: _____

Company name: _____

Address: _____

Tel No.: _____ Mobile No: _____ Fax No.: _____

Signature: _____

Date: _____

Company Stamp

Terms & Conditions:-

Kindly forward the payment to us at least one week before the commencement of the program. A completed registration form submitted by fax, mailed, or e-mailed to Progress Link & Consultancy Sdn Bhd would be confirmed. All cancellations must be made in writing. There will be no charge for cancellations received 14 or more working days before the start of the program. Cancellation received between 7 - 13 working days before the start of the program is subject to a cancellation fee of 50% of the course fees. Cancellation received 6 working days and below before the start of the program is subject to a full 100% cancellation fee of the course fees. If the full course fees are payable if the participant fails to attend the program. However, a replacement may be accepted at no additional cost, subject to approval. Progress Link Training & Consultancy Sdn Bhd reserves the right to change the facilitator, reschedule or cancel the program and all efforts will be taken to inform participants of the changes. Should the program be cancelled or postponed, Progress Link Training & Consultancy Sdn Bhd is not responsible for covering airfare, hotel, other travel costs, or any additional costs incurred by the participants.

1. Participant Name :

IC or Passport No :

Designation :

Mobile No:

Email address :

2. Participant Name :

IC or Passport No :

Designation :

Mobile No:

Email address :

3. Participant Name :

IC or Passport No :

Designation :

Mobile No:

Email address :

4. Participant Name :

IC or Passport No :

Designation :

Mobile No:

Email address :

5. Participant Name :

IC or Passport No :

Designation :

Mobile No:

Email address :

(If there are more participants, please attach a separate list)